

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19 June 2015

**Tindakan
Dr. M** *um-19/6/2015*
mengecewakan

KUALA LUMPUR 18 Jun - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengkritik negara sendiri di media antarabangsa adalah sesuatu yang mengecewakan.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata, perbuatan itu dianggap tidak bertanggungjawab bagi mana-mana rakyat apatah lagi oleh seorang bekas Perdana Menteri yang menyebarkan tuduhan tidak berasas mengenai syarikat milik kerajaan.

"Dalam wawancara itu beliau mempertikaikan mengenai kehilangan RM42 bilion daripada IMalaysia Development Berhad (IMDB) untuk menimbulkan kekeliruan, sedangkan jumlah ini disokong oleh jumlah aset bernilai RM51 bilion. Tuduhan tidak berasas itu telah

terhadap Malaysia.

"Ia menunjukkan beliau akan terus menyerang dan bukannya menunggu hasil siasatan yang sedang dijalankan oleh Bank Negara, Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Inimenunjukkan Dr. Mahathir tidak berminat untuk mendapatkan maklum balas daripada badan perundangan yang sah, sebaliknya hanya menggunakan IMDB sebagai alasan untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya dalam satu surat terbuka kepada pengarang *The New York Times* di sini hari ini.

Anifah mengulas mengenai sebuah artikel *The New York Times* yang telah mewawancara Dr. Mahathir di Putrajaya berkenaan kritikan-kritikan bekas Perdana Menteri itu terhadap Najib serta isu IMDB.

Sementara itu, Anifah berkata, untuk Dr. Mahathir menuduh Najib melakukan perbuatan 'yang hampir-hampir jenayah' adalah keterlaluan dan tidak berasas.

Katanya, Dr. Mahathir sebenarnya mempunyai kebebasan sedemikian rupa untuk mengkritik parti dan kerajaan yang satu ketika dahulu diketuainya kerana langkah pembaharuan yang dilaksanakan di bawah pentadbiran Najib.

"Bagaimanapun, Dr. Mahathir menyalahgunakan kebebasan itu dan kelebihan yang dimilikinya sebagai bekas Perdana Menteri untuk memburukkan Najib dan keluarganya," katanya.